

BAB KETIGA

PENGGUNAAN MUBTADA' NAKIRAT DAN KHABAR MA'RIFAT DALAM BAHASA ARAB.

3.0 PENDAHULUAN

Mengikuti konsep asal mubtada' dan khabar, seharusnya mubtada' itu digunakan dalam bentuk ma'rifaṭ dan khabar itu dalam bentuk nakiraṭ kerana pada kesesuaian kedudukan dan fungsi perkataan dalam sesuatu ayat itu, kebiasaannya yang menjadi pemula atau pencetus cerita perlulah sesuatu yang ma'rifaṭ iaitu yang dikenali atau ditentukan dan pelengkap kepada cerita itu tidak perlulah ma'rifaṭ, cukup sekadar nakiraṭ atau belum ditentukan. Namun pengecualian terhadap ciri dan konsep asal kedua-dua asas pembentukan ayat ini boleh berlaku juga dengan beberapa sebab dan alasan. Hal ini telah disentuh oleh para sarjana bahasa Arab di dalam tulisan-tulisan mereka yang meluas.

Asal bagi perkataan yang menjadi mubtada' itu perlulah ma'rifaṭ dan dimaklumi. Jika dalam satu ayat terdapat dua perkataan yang ma'rifaṭ dan nakiraṭ, maka perkataan yang ma'rifaṭ itu adalah mubtada' dan nakiraṭ itu adalah khabar. ('Abd al- Fattah: 1986:101).

Abu Bakar Muhammad menyebutkan bahawa dalam masalah mubtada' dan khabar dari segi ma'rifaṭ dan nakiraṭnya boleh diperincikan kepada empat kategori :

Pertama Mubtada' itu didatangkan dalam bentuk ma'rifaṭ dan khabarnya didatangkan dalam bentuk nakiraṭ seperti dalam contoh :

Ertinya : Orang yang beriman itu adalah seorang muslim.

Kedua: Mubtada' itu didatangkan dalam bentuk ma'rifaṭ dan khabarnya juga didatangkan dalam bentuk ma'rifaṭ seperti dalam contoh :

Ertinya : Zaid adalah abang awak.

Ketiga: Mubtada' itu didatangkan dalam bentuk nakiraṭ dan khabarnya juga didatangkan dalam bentuk nakiraṭ seperti dalam contoh:

Ertinya : Seorang lelaki bangun berdiri.

Keempat: Mubtada' itu didatangkan dalam bentuk nakiraṭ dan khabarnya didatangkan dalam bentuk ma'rifaṭ seperti dalam contoh:

Ertinya : Lelaki yang segak itu ialah pembaca (al-Quran).

Muhammad 'Ei:d (2005: 168) menyatakan perkaitan mubtada' nakiraṭ dan ma'rifaṭ dalam tiga perkara iaitu :

Pertama : Sesungguhnya asal bagi mubtada' itu adalah ma'rifaṭ dan bukannya nakiraṭ seperti dalam contoh berikut:

Ertinya: Persahabatan ialah kesetiaan dan keikhlasan, kamu setia dan saya ikhlas maka kita bersahabat.

Kedua: Asalnya, muftada' tidak boleh nakirat, maka penggunaan dalam bentuk nakirat tidak diterima dan penggunaannya tidak mendatangkan *fa:idaṭ*.

Ketiga: Berbeza daripada yang pertama dan kedua, iaitu dibolehkan penggunaan muftada' dalam bentuk nakirat apabila muftada' yang datang dalam bentuk nakirat itu mendatangkan *fa:idaṭ*.

Maksud *fa:idaṭ* yang dimaksudkan adalah apabila lafaz muftada' yang nakirat itu diterima pakai oleh pendengar sebagai kebiasaannya seperti contoh ungkapan-ungkapan berikut:

Ertinya : Bercakap benar itu boleh menyelamatkan dan berdusta itu boleh membinasakan

Ertinya : Kerja yang berterusan itu lebih baik dari kerja susah yang berhenti-henti.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa tulisan sarjana Arab tentang bentuk-bentuk penggunaan muftada' nakirat yang dibenarkan.

3.1 NAKIRAT DAN MA'RIFAT DALAM BAHASA ARAB.

Oleh kerana tajuk yang dipilih oleh penulis sebagai kupasan utama dalam penulisan ini adalah mubtada' nakirat dan khabar ma'rifat, maka perlulah dijelaskan terlebih dahulu konsep dan ciri-ciri sesuatu KN dalam bahasa Arab yang dikatakan nakirat dan ma'rifat. Kedua-kedua konsep ini merupakan konsep pelengkap dalam ilmu sintaksis Arab iaitu sesuatu KN itu akan dikatakan sebagai nakirat jika ia bukan ma'rifat dan begitulah sebaliknya, ia dikatakan ma'rifat jika ia dikenali sebagai bukan nakirat. Nakirat dalam sintaksis bahasa Melayu boleh dijelaskan sebagai KN am manakala ma'rifat pula boleh dijelaskan sebagai KN khas atau tertentu.

3.1.1 Nakirat

3.1.1.1 Definisi dan Konsep Nakirat:

Nakirat adalah KN yang menunjukkan sesuatu yang tidak ditentukan seperti seorang lelaki, sebuah buku, sebatang pen, seorang guru dan lain-lain. (Mustafa: Al-Ghala:yi:niyy: 1994: 147).

Nakirat adalah KN yang menunjukkan sesuatu tetapi tidak ditentukan ('Abba:s Hasan : 1987:1/ 208)

2.1.6.2 Ciri-ciri Nakirat:

'Abba:s Hasan (1987:1/ 209)menyenaraikan beberapa ciri untuk mengenali sesuatu KN itu sebagai nakirat. Antaranya:

- i- Sesuatu KN itu boleh menerima huruf *ali:f* dan huruf *la:m* seperti perkataan yang bermaksud seorang pelajar, perkataan yang bermakna

pokok- pokok, perkataan yang bermakna sebuah kereta dan sebagainya. Perkataan-perkataan ini apabila ditambahkan atau dimasukkan huruf *ali:f* dan *la:m* di awalnya, maka akan berubah rupa dan maknanya. Perkataan bila ditambah *ali:f* dan *la:m* akan menjadi yang bermakna pelajar yang tertentu. Perkataan akan menjadi yang bermakna pokok-pokok yang tertentu. Demikian dengan perkataan akan menjadi yang bermakna kereta itu atau tertentu.

- ii- Sesuatu KN itu menunjukkan ia juga boleh menerima huruf *ali:f* dan *la:m* di awalnya tetapi tidak secara langsung dan digantikan dengan sinonimnya seperti perkataan-perkataan , , .
 Contohnya seperti berikut :

Ertinya : Kamu lelaki yang mempunyai akhlak mulia.

Ertinya: Siapa yang berusaha dia dapat.

Maka perkataan yang bermakna sudah tentulah boleh menerima *ali:f* dan *la:m* yang berubah menjadi dan perkataan yang bermakna juga boleh menerima huruf *ali:f* dan *la:m* yang berubah menjadi .

- iii- Sesuatu KN yang boleh menerima partikel *ja:r* () yang hanya memasuki KN nakiraṭ atau am seperti dalam contoh:

Ertinya : Ini (al-Quran) disampaikan untuk manusia.

Perkataan akan kekal sebagai KN am jika bersendirian dan tidak digabungkan dengan perkataan lain, tetapi berubah menjadi KN khas atau ma‘rifat dalam contoh di atas.

3.1.2.2 Jenis – jenis Ma‘rifat :

Ahli nahu Arab membahagikan ma‘rifat kepada tujuh jenis:

Pertama : Kata ganti nama yang meliputi semua KGN iaitu KGN diri yang pertama, KGN diri yang kedua dan KGN diri yang ketiga. KGN ini juga meliputi semua jenis KGN yang digunakan dalam bahasa Arab iaitu KGN yang tersirat () di sebalik KK seperti () yang merujuk kepada dia lelaki , KGN yang tersurat yang jelas adanya ia () seperti () dalam contoh

Ertinya : Kamu bertanggungjawab terhadap perjalanan hidup kamu dalam kalangan manusia dengan kelakuan kamu.


Kedua : KN khas () yang merangkumi nama orang, tempat, nama haiwan, gelaran dan sebagainya yang telah dimaklumi sebutannya.

Ketiga : KN tunjuk () yang meliputi () bagi KN tunjuk tunggal maskulin, () bagi KN tunjuk tunggal feminin. Seterusnya merangkumi juga () bagi KN tunjuk dual maskulin , () bagi KN tunjuk dual feminin. Ia termasuk juga KN tunjuk bagi jamak maskulin dan feminin iaitu () serta KN tunjuk bagi tempat iaitu () ,

Keempat : KN penghubung iaitu untuk tunggal maskulin, untuk tunggal feminin, untuk dual maskulin , untuk dual feminin , untuk jamak maskulin dan atau untuk jamak feminin.

Kelima : KN yang diletakkan huruf *ali:f* dan *la:m* yang meliputi semua jenis *ali:f* dan *la:m* iaitu

Keenam : KN yang disandarkan kepada KN yang ma‘rifat seperti dalam contoh-contoh berikut:



Ertinya : Segala puji bagi Tuhan semesta alam.

Dalam contoh di atas, perkataan menjadi ma‘rifat setelah disandarkan kepada perkataan selepasnya

Ketujuh : KN seru yang ditentukan iaitu KN nakirat yang ditentukan seruannya seperti dalam contoh:

Ertinya: Wahai lelaki (tertentu) dan wahai pelajar (tertentu).

Jika KN nakirat tersebut tidak dimaksudkan ketentuannya maka ia akan menjadi seperti berikut:

Ertinya: Wahai lelaki dan wahai pelajar.

3.2 MUBTADA' NAKIRAT DALAM BAHASA ARAB.

Mubtada' tidak akan datang dalam bentuk nakirat melainkan membawa faedah dalam makna ayat (Abi Muhammad 'Abdullah Jamaluddin:1985:69-70).

Menurut 'Abba:s Hasan (1987:1/485), ahli nahu bahasa Arab telah meletakkan lebih daripada empat puluh bentuk penggunaan mubtada' nakirat yang dibenarkan. Asas yang menjadi sebab kepada pengecualian tersebut adalah konsep *al-Ifa dat* yang disentuh oleh kebanyakan ahli nahu bahasa Arab. Konsep *al-Ifa dat* yang menjadi asas kepada pengecualian hukum mubtada' ini lebih jelas dihuraikan sebagai *yang dikenali* atau *yang ma'ru:f* atau *yang terbiasa* atau *yang diketahui* oleh pendengar atau penerima ucapan. Beliau menggabungkan semua bentuk pengecualian tersebut yang lebih dari empat puluh hanya dalam dua puluh enam tempat termasuk sebelas yang paling utama. ('Abba:s Hasan 1987:1/485). Namun apabila dianalisis penulis dapat mengeluarkan hanya dua puluh satu bentuk yang benar- benar tepat dan dikehendaki, iaitu:

Pertama : Perkataan yang menjadi mubtada' itu adalah menunjukkan pujian atau celaan seperti dalam contoh-contoh di bawah :

—

Ertinya : Pahlawan dalam peperangan.

—

Ertinya :Penyampai khutbah di atas mimbar.

—

Ertinya : Bencana dalam peperangan.

Semua contoh di atas merupakan muftada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat yang diharuskan kerana ia bermaksud pujian atau celaan.

Kedua : Perkataan yang menjadi muftada' itu menunjukkan kepelbagaian atau pembahagian seperti dalam contoh:

—

Ertinya : Saya telah lihat bunga-bunga maka ada yang berwarna putih, merah dan kuning.

— — —

Ertinya : Saya tahu musim luruh itu berubah-ubah , ada hari sejuk, ada hari panas dan ada hari sederhana.

Kesemua perkataan yang digariskan di atas adalah muftada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat yang diharuskan kerana menunjukkan kepelbagaian dan pembahagian.

— —

Ertinya : Kehidupan itu dua hari , satu hari untuk kita dan satu hari lagi ke atas kita.

(Hidup ini ibarat roda, kadang-kadang kita berada di atas dan kadang-kadang kita berada di bawah).

Dalam contoh di atas, perkataan ____ adalah muftada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat kerana bermaksud kepelbagaian atau perincian kepada perkataan .

Ertinya : Dia ada tiga buah rumah, satu rumah lama, satu rumah baru dan satu lagi sedang dibina.

Dalam contoh di atas, _____ adalah muftada' dan _____ adalah khabarnya, demikian yang kedua juga adalah muftada' dan _____ adalah khabarnya. Demikian juga _____ yang ketiga adalah muftada' dan _____ adalah khabarnya. Ketiga-tiga ini adalah muftada' nakirat yang diharuskan penggunaannya kerana bertujuan kepelbagaian atau perincian kepada perkataan sebelumnya iaitu _____ .

Ketiga : Perkataan yang menjadi muftada' itu menunjukkan sesuatu yang diketahui umum seperti dalam contoh :

Ertinya : Setiap (orang) dihitung berdasarkan amalannya dan setiap (orang) bertanggungjawab tentang apa yang dihasikan darinya.

Dalam contoh di atas , perkataan _____ merupakan KN nakirat yang menjadi muftada' dan _____ serta _____ adalah khabarnya. Ayat ini boleh diandaikan seperti :

Contoh lain adalah seperti:

Ertinya : Setiap (seseorang) akan mati.

Dalam contoh di atas juga, perkataan merupakan KN nakirat yang menjadi muftada' dan KK kala kini adalah khabarnya. Ayat ini boleh diandaikan sebagai .

Ertinya : Setiap (seorang datang) daripada Allah.

Dalam contoh di atas, perkataan adalah muftada' nakirat yang diharuskan kerana dapat difahami umum.

Kesemua contoh-contoh yang digariskan di atas adalah muftada' yang nakirat yang diharuskan kerana bermaksud umum dan diketahui.

Keempat : Perkataan yang menjadi muftada' itu didahului oleh partikel *nafi:* atau kata tanya, seperti dalam contoh:

—

Ertinya : Tidak ada seorang pun di dalam kelas .

—

Ertinya : Adakah pelajar-pelajar ada di dalam kelas?

Dalam contoh di atas, kedua-dua perkataan yang bergaris merupakan muftada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat yang diharuskan kerana didahului oleh partikel *nafi:* atau *istifha:m*.

—

Ertinya : Tiada seorang pun bersama kami.

Dalam contoh di atas, adalah partikel penafian dan perkataan adalah mubtada' nakiraṭ yang dikira *mufi:daṭ* dan ia diterima pakai sebagai mubtada' walaupun nakiraṭ.

Darwisy (1994:7:119) menyebutkan bahawa mubtada' tersebut diharuskan dalam bentuk nakiraṭ kerana peranan yang ada pada partikel *nafi:* boleh menjadikan mubtada' itu sesuatu yang *mufi:d* walaupun dalam lafaz nakiraṭ.

Ertinya : Adakah seorang lelaki hadir?.

Dalam contoh di atas, adalah partikel tanya yang bermaksud *adakah* dan adalah KN yang menjadi mubtada' dan diterima pakai walaupun nakiraṭ kerana ia dianggap *mufi:daṭ* dengan adanya partikel tanya sebelumnya. (Mustafa: Al-Ghala:yi:niyy: 1994: 2/7).

Kelima : Perkataan yang menjadi mubtada' itu diakhirkan dari kedudukan khabar iaitu khabar didahulukan dengan syarat khabar itu adalah terdiri daripada separa ayat sama ada partikel *ja:r* atau *zarf* seperti dalam contoh:

Ertinya : Dia ada kereta dan saya ada kuncinya.

Kedua-dua perkataan yang digariskan di atas merupakan mubtada' nakiraṭ dan sebelum kedua-duanya adalah partikel *ja:r* dan *zarf*.

Contoh lain:

— —

Ertinya: Ketika mencapai tujuan itu ada kelegaan dan ketika putus asal daripadanya juga ada kelegaan.

Dalam contoh di atas, ungkapan _____ yang merupakan separa ayat menjadi khabar yang diawalkan, sementara perkataan _____ adalah menjadi muftada' yang diakhirkan. Demikian dengan ungkapan _____ yang juga merupakan separa ayat menjadi khabar yang diawalkan dan perkataan _____ menjadi muftada' yang dilewatkan. Kedua-dua muftada' yang diakhirkan itu adalah dalam bentuk nakirat dan diharuskan kerana berlaku penyusunan yang berlainan bagi muftada' dan khabar (kebiasaannya muftada' dahulu kemudian khabar) serta khabar yang diawalkan itu datang dalam bentuk separa ayat.

Para sarjana Arab terdahulu termasuk Si:bawi:h tidak mengharuskan pengecualian yang berlaku kepada muftada' nakirat ini kecuali jika ia mendatangkan *fa:idaṭ* atau dianggap *mufi:daṭ*. Maka semua nakirat yang dianggap *mufi:daṭ* akan diterima pakai sebagai muftada'. (Mustafa Al-Ghala:yi:niyy:1994:2/7). Oleh itu tidak diharuskan bagi mana-mana KN yang menjadi objek yang disifatkan itu yang menjadi muftada' diletakkan di hadapan sebelum khabarnya iaitu ia harus dijadikan muftada' yang diakhirkan atau khabarnya perlu didahulukan . Demikian juga bagi ayat-ayat yang mempunyai partikel *zarf* atau partikel *ja:r*, maka sepatutnya partikel-partikel ini dikedepankan dari muftada', baru dikira sebagai *mufi:daṭ*, seperti dalam contoh-contoh berikut:

—

Ertinya : Seorang lelaki dari orang ramai ada bersama kami.

Ertinya : Ada harta pada seorang lelaki.

Ertinya : Setiap orang ada pakaian.

Maka ketiga-tiga contoh di atas tidak dapat diterima fungsi muftada'nya yang nakirat kerana sama ada dilewatkan partikel *zarf*nya atau diawalkan partikel *ja*:rnya, tetap tidak memberikan *fa:dat* bagi menghilangkan umumnya perkataan yang menjadi muftada' itu. Ia tetap nakirat dan tidak *mufi:dat*, iaitu seolah-olah ia *tidak biasa* dengan pendengar atau penerima ungkapan tersebut. Justeru perkataan yang nakirat tetap diterima pakai sebagai muftada' jika dari kefahaman pendengar ia sudah seolah-olah dikenali atau ditentukan yang boleh menghilangkan *syuyu'* nakiratnya.

Keenam : Perkataan yang menjadi muftada' itu dikhususkan dengan sifat atau dengan *idho:fat* seperti dalam contoh :

Ertinya : Tidur awal itu adalah lebih baik dari berjaga malam dan bangun awal itu lebih bermanfaat dari tidur di pagi hari.

Dalam contoh di atas perkataan ____ adalah muftada' yang nakirat yang diharuskan kerana ia dikhususkan dengan sifat selepasnya dan perkataan ____ pula menjadi muftada' yang nakirat bentuknya kerana ia *diida:fatkan* kepada perkataan lain selepasnya.('Abba:s Hasan :1987:1/485).

Muhammad 'Eid (2005:168) juga menyentuh perkara ini tetapi beliau menyebut muftada' nakirat itu sebagai KN yang disifatkan seperti contoh ungkapan-ungkapan berikut:



Ertinya : Kehidupan yang pendek yang berfaedah adalah lebih baik daripada kehidupan yang panjang yang sia-sia.


Dalam contoh di atas, perkataan _____ yang bermakna kehidupan merupakan muftada' yang datang dalam bentuk nakirat . Keharusannya adalah kerana dalam ayat di atas ia adalah objek yang disifatkan dengan perkataan _____ yang bermakna pendek atau singkat dan perkataan _____ yang bermakna yang berfaedah.



Ertinya : Sesungguhnya orang mu'min itu lebih baik daripada orang musyrik.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ yang bermakna seorang hamba adalah muftada' yang datang dalam bentuk nakirat. Keharusannya dalam bentuk nakirat adalah kerana dalam ayat di atas ia adalah KN yang disifatkan dengan perkataan _____ yang bermakna yang beriman.

Ketujuh : Perkataan yang menjadi muftada' itu dikhususkan untuk do'a seperti dalam contoh:



Ertinya : Salam sejahtera untuk orang yang takut dan kesembuhan untuk orang yang sakit dan bantuan untuk orang yang sesak.

Dalam contoh-contoh di atas perkataan _____, _____ dan _____ adalah muftada' yang dinakiratkan. Ia diharuskan kerana mengandungi maksud do'a.

Ertinya : Selamat sejahtera ke atas orang yang taat dan celakalah ke atas orang yang ingkar.

Dalam kedua-dua contoh di atas, perkataan _____ adalah muftada' nakirat yang dikira *mufi:dat* kerana bermaksud doa untuk kebaikan dan perkataan _____ juga dianggap muftada' dan diterima sebagai *mufi:dat* walaupun nakirat kerana bermaksud doa untuk keburukan. Maka perkataan-perkataan yang nakirat tetap dianggap *mufi:dat* dan diterima fungsinya sebagai muftada' atas sebab didatangkan dengan tujuan doa sama ada untuk kebaikan atau keburukan. (Mustafa: Al-Ghala:yi:niyy: 1994: 2/7).

Kelapan : Perkataan yang menjadi muftada' itu merupakan jawapan kepada soalan seperti dalam contoh :

Ertinya : Apakah yang ada dalam beg ? Dalam beg ada sebuah buku

Dalam contoh di atas, perkataan _____ merupakan muftada' nakirat yang diharuskan kerana ia merupakan jawapan kepada soalan sebelumnya.

Contoh lain:

Ertinya : Siapa yang datang kepada awak? Seorang lelaki.

Dalam contoh tersebut, perkataan _____ merupakan mubtada' nakirat yang diharuskan kerana ia merupakan jawapan kepada soalan sebelumnya seolah-olah berbunyi seperti:

Ertinya :Seorang lelaki telah datang kepada saya.

Kesembilan : Perkataan yang menjadi mubtada' itu terletak di awal ayat yang menerangkan keadaan ungkapan sama ada ia didahului oleh *harf wa:w al-Ha:l* atau tidak seperti dalam contoh :

Ertinya : Saya pulang dari bandar ketika hujan turun seolah-olah menyambut saya.

Ertinya : Setiap hari saya pergi belajar, buku-buku di tangan saya.

Dalam kedua-dua contoh di atas, perkataan _____ dan _____ merupakan mubtada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat yang diharuskan kerana ia berada di awal ayat yang menerangkan keadaan ungkapan tersebut sama ada didahului oleh *harf wa:w al-Ha:l* (pada contoh yang pertama) atau tidak (pada contoh yang kedua).

Contoh lain:

Ertinya : Manusia sedang lena sedangkan seorang 'a:bid sedang memuji penciptanya dalam sujudnya.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah mubtada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat dan diterima sebagai *mufi:dat* kerana ia datang selepas *harf wa:w al-ha:l*.

Contoh lain :

—
Ertinya : Ibu itu tidur sedangkan anaknya bermain.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah mubtada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat dan diterima sebagai *mufi:dat* kerana ia datang selepas *harf wa:w al-ha:l*.

Kesepuluh : Perkataan yang menjadi mubtada' itu terletak selepas *harf fa:'* yang menjawab *syart* sebelumnya seperti dalam contoh :

—
Ertinya : Tuntutan kehidupan ini banyak: Jika dipermudahkan sebahagiannya maka sebahagian yang lain tidak dipermudahkan dan impian juga tidak habis jika terlaksana satu maka yang baru akan datang.

Dalam contoh di atas perkataan _____ dan _____ merupakan mubtada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat yang diharuskan kerana ia terletak selepas partikel _____ yang menjawab *syart* ayat sebelumnya iaitu : _____ dan _____ .

Kesebelas : Perkataan yang menjadi muqtada' itu terletak selepas _____ yang menjelaskan balasan atau kesan kepada ayat sebelum itu seperti dalam contoh :

Ertinya : Jika ada keikhlasan daripada awak maka awak akan mendapat keikhlasan.

Dalam contoh di atas perkataan _____ merupakan muqtada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat yang diharuskan kerana ia terletak selepas

Contoh lain :

Ertinya : Jika dia mempermudah urusan orang, maka dia akan dipermudahkan.

Kedua belas : Perkataan yang menjadi muqtada' itu merupakan 'a mil yang berfungsi dalam sesuatu ayat sama ada ia terdiri daripada kata sumber atau sifat 'a mil seperti dalam contoh :

Ertinya : Memberi makan orang miskin adalah satu ketaatan.

Ertinya: Orang yang tekun dalam kerjanya, masyhur namanya.

Dalam kedua-dua contoh di atas, perkataan _____ dan _____ adalah muqtada' nakirat yang diharuskan kerana ia berfungsi dalam ungkapan tersebut sebagai 'a mil yang menasabkan perkataan selepasnya yang menjadi objek.

Ertinya : Mengeluarkan satu sen kerana menuntut ilmu akan memajukan ummat.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah mubtada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat dan dianggap *mufi:dat* kerana ia berfungsi sebagai 'a mil iaitu menasabkan perkataan selepasnya iaitu _____ yang menjadi _____. Maka mubtada' itu dikira *nakirat mufi:dat* dengan adanya peranannya sebagai 'a mil yang menasabkan perkataan selepasnya.

Ketiga belas: Perkataan yang menjadi mubtada' itu adalah *mahsu r* atau dikhususkan seperti dalam contoh :

Ertinya : Sesungguhnya lelaki itu seorang pengembara.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah mubtada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat yang diharuskan kerana ia bermaksud *mahsu:r* atau dikhususkan.

Keempat belas : Perkataan yang menjadi mubtada' itu dimaksudkan dengan *mahsu:r* (dikhususkan) melalui ungkapan yang disebut seperti dalam contoh :

Ertinya : Suatu kejadian itu meminta awak segera beredar.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah mubtada' yang nakirat yang diharuskan kerana ia membawa makna *mahsur* atau dikhususkan.

Kelima belas Perkataan yang menjadi muftada' itu diikuti selepasnya perkataan lain yang *mausu:f* seperti dalam contoh :

Ertinya : Seorang lelaki dan sebuah kereta yang cantik berada di hadapan rumah.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah muftada' yang didatangkan dalam bentuk nakiraṭ yang diharuskan kerana selepasnya ada perkataan lain yang mengikutinya itu disifatkan (*mausu:f*) iaitu _____ .

Contoh lain :

Ertinya : Sebuah buku dan pen yang baru di atas meja.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah muftada' yang didatangkan dalam bentuk nakiraṭ yang diharuskan kerana selepasnya ada perkataan lain yang mengikutinya itu disifatkan (*mausu:f*) iaitu _____ .

Keenam belas: Perkataan yang menjadi muftada' itu adalah *mubham* (kabur atau tidak pasti) mengikut tujuan orang yang mengucapkannya seperti dalam contoh :

Ertinya : Seorang pelawat bersama kami.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah muftada' yang didatangkan dalam bentuk nakiraṭ yang diharuskan kerana ia adalah *mubham* mengikut kehendak pengucapnya.

Ketujuh belas : Perkataan yang menjadi muftada' itu didatangkan selepas partikel seperti dalam contoh :

Ertinya : Jika tidak beriman dan tidak bersabar, pasti orang yang berdukacita itu membunuh diri.

Dalam contoh di atas perkataan _____ adalah muftada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat yang diharuskan kerana sebelumnya ada partikel _____ .

Contoh lain:

Ertinya : Jika tidak bersungguh - sungguh nescaya pelajar itu gagal.

Dalam contoh di atas perkataan _____ adalah muftada' nakirat yang diharuskan kerana sebelumnya ada partikel _____ .

Contoh lain :

Ertinya : Tanpa ibu seseorang tidak akan mengenali kehidupan.

Dalam contoh di atas perkataan _____ adalah muftada' nakirat yang diharuskan kerana sebelumnya ada partikel _____ .

Kelapan belas : Perkataan yang menjadi muftada' itu didahului oleh seperti dalam contoh :

Ertinya : Sesungguhnya seorang lelaki itu berguna.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah muftada' yang diharuskan dalam bentuk nakirat kerana didahului oleh _____ sebelumnya.

Contoh lain:

Ertinya: Sesungguhnya seorang lelaki fakir yang bersyukur adalah lebih baik daripada seorang lelaki kaya yang kedekut.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah muftada' yang diharuskan dalam bentuk nakirat kerana didahului oleh _____ sebelumnya.

Kesembilan belas : Perkataan yang menjadi muftada' itu didahului oleh yang bermaksud tiba-tiba seperti dalam contoh :

Ertinya : Sebaik saja saya meninggalkan rumah hujan pun turun dengan tiba- tiba .

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah muftada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat yang diharuskan kerana sebelumnya terdapat _____ .

Contoh lain :

Ertinya : Saya sampai di sekolah tiba-tiba loceng pun berbunyi.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah muftada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat yang diharuskan kerana sebelumnya terdapat _____ .

Kedua puluh: Perkataan yang menjadi muftada' itu membawa maksud hakikat sesuatu yang dikehendaki seperti dalam contoh :

Ertinya : Besi adalah lebih baik daripada tembaga.

Dalam contoh di atas perkataan _____ adalah muftada' nakirat yang diharuskan kerana memang makna atau maksud yang dikehendaki dalam ungkapan tersebut adalah hakikat *besi*, maka diharuskan didatangkannya dalam bentuk nakirat.

Contoh lain :

Ertinya : Buah lebih baik daripada bunga dan bunga lebih baik daripada rumput.

Dalam contoh di atas perkataan _____ dan _____ adalah muftada' nakirat yang diharuskan kerana memang makna atau maksud yang dikehendaki dalam ungkapan tersebut adalah hakikat *buah dan bunga*, maka diharuskan penggunaannya dalam bentuk nakirat.

Kedua puluh satu : Perkataan yang menjadi muftada' itu merupakan KN perbandingan seperti dalam contoh :

Ertinya : Mahmud lebih baik daripada Ali.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ yang merupakan KN perbandingan menjadi mubtada' yang diharuskan nakiratnya .

Muhammad 'Eid (2005:168) meletakkan sepuluh tempat yang mengecualikan mubtada' itu digunakan dalam bentuk nakirat, kesemuanya sama seperti yang disebutkan oleh 'Abba:s Hasan kecuali satu bentuk iaitu kesempurnaan makna ungkapan bergantung dengan kewujudan mubtada', seperti dalam contoh berikut:

Ertinya: Membantu orang yang lemah itu adalah tanda harga diri sementara memperlekehkannya menjadi satu kerendahan harga diri.

Dalam contoh di atas, perkataan _____ dan _____ adalah menjadi mubtada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat . Keharusannya adalah kerana ia menjadi pelengkap kepada kesempurnaan makna ungkapan tersebut. Dengan kata lain bentuknya yang nakirat tidak menghalang kesempurnaan makna seluruh ungkapan tersebut yang memang bergantung padanya .

— —————
Ertinya: Menyuruh berbuat baik itu satu sedekah dan mencegah dari _____ kemungkaran juga satu sedekah.

Demikian juga dengan perkataan _____ dan _____ juga merupakan mubtada' yang didatangkan dalam bentuk nakirat. Keharusannya adalah disebabkan kesempurnaan makna seluruh ungkapan itu adalah bergantung kepadanya dan

bentuknya yang nakirat tidak menghalang ia berfungsi dan diterima pakai sebagai perkataan yang melengkapkan.

Muhammad ‘Ei:d (2005:168) berpendapat mubtada’ harus datang dalam bentuk nakirat jika mubtada’ itu tetap diungkapkan dengan kegunaan yang berfaedah. Keharusannya adalah bergantung kepada tujuan dan fungsi mubtada’ itu dalam sesuatu ayat atau ungkapan. Jika ungkapannya dapat diterima oleh pendengar dan dikira berfaedah, maka diharuskan penggunaannya dalam bentuk nakirat.

Mustafa: Al-Ghala:yi:niyy (1994: 2/254) menghuraikan dalam tulisannya berkenaan mubtada’ ma‘rifat atau nakirat dengan meletakkan empat belas perkara atau kelonggaran yang dibolehkan bagi mubtada’ nakirat yang pada asalnya adalah ma‘rifat dan beliau lebih senang menggunakan istilah *mufti:dat*. Biar pun KN itu nakirat tetapi ia tetap *mufti:d*. Kebanyakan empat belas perkara itu adalah sama seperti yang disebutkan oleh ‘Abbas Hasan dan Muhammad ‘Ei:d sebelum ini kecuali satu perkara iaitu mubtada’ itu menggantikan KN yang disifatkan seperti dalam contoh :

Ertinya : Seorang ‘alim lebih baik daripada seorang jahil iaitu seorang lelaki yang ‘alim.

Mustafa Al-Ghala:yi:niyy: (1994:2/254) menjelaskan lagi bahawa para sarjana Arab terdahulu termasuk Si:bawyh tidak mengharuskan pengecualian yang berlaku kepada mubtada’ nakirat ini kecuali jika ia mendatangkan faedah atau dianggap *mufti:dat*. Maka semua nakirat yang dianggap *mufti:dat* akan diterima pakai sebagai mubtada’. Oleh itu tidak diharuskan bagi mana-mana KN yang menjadi objek yang disifatkan itu

yang menjadi muftada' diletakkan di hadapan sebelum khabarnya iaitu ia harus dijadikan muftada' yang dilewatkan atau khabarnya perlu didahulukan . Demikian juga bagi ayat-ayat yang mempunyai partikel *zarf* atau partikel *ja:r*, maka sepatutnya partikel-partikel ini dikedepankan dari muftada', baru dikira sebagai *mufti:dat*, seperti dalam contoh-contoh berikut:

Ertinya : seorang lelaki dalam kalangan orang ramai di sisi kami.

Ertinya : Pada seorang lelaki harta.

Ertinya : Bagi seorang manusia pakaian.

Maka ketiga-tiga contoh di atas tidak dapat diterima fungsi muftada'nya yang nakirat kerana sama ada dilewatkan partikel *zarf*nya dan partikel *ja r*nya atau diawalkan tetap tidak memberikan faedah bagi menghilangkan umumnya perkataan yang menjadi muftada' itu. Ia tetap nakirat dan tidak *mufti:dat*, iaitu seolah-olah ia *tidak biasa* dengan pendengar atau penerima ungkapan tersebut. Justeru perkataan yang nakirat tetap diterima pakai sebagai muftada' jika dari kefahaman pendengar ia sudah seolah-olah dikenali atau ditentukan yang boleh menghilangkan *syuyu'* nakiratnya.

Menurut 'Abduh al-Ra:jihi (1985:87) ahli nahu bahasa Arab meletakkan sepuluh tempat yang mengharuskan muftada' itu didatangkan dalam bentuk nakirat. Semuanya sama seperti pandangan ahli-ahli nahu sebelum ini kecuali satu bentuk iaitu

KN yang melalui proses *tasghir*. Beliau menjelaskan bahawa KN *tasghir* boleh menjadi muftada' nakirat, seperti dalam contoh:

Ertinya : Lelaki kerdil sedang bercakap.

Dalam contoh di atas, perkataan adalah muftada' nakirat yang diterima kerana ia merupakan perkataan yang dikecilkan. Proses mengecilkan perkataan dalam bahasa Arab merupakan sifat dan contoh di atas bermaksud *lelaki yang kecil itu sedang bercakap*.

Jumhur ulama' nahu Arab mewajibkan pembentukan muftada' itu dalam bentuk ma'rifa' atau nakirat yang ditentukan. (Radiuddin 1988:203). Walaubagaimanapun, penggunaan muftada' dalam bentuk nakirat yang tidak ditentukan juga diharuskan di beberapa tempat sepertimana yang telah diterangkan oleh ahli nahu sebelum ini.

Asal bagi muftada' itu hendaklah ma'rifa' dilihat kepada keperluan muftada' itu sebagai sesuatu yang *ma'ru:f* dan diketahui pendengar tetapi jika ia didatangkan dalam bentuk nakirat yang juga sesuatu yang *ma'ru:f* atau diketahui oleh pendengar maka tidak ada salahnya muftada' itu didatangkan dalam bentuk nakirat. (Antuan Dahdah 1992:152). Beliau membahagikan penggunaan tersebut kepada empat belas bentuk yang sama seperti yang dijelaskan oleh ahli nahu sebelum ini.

Ibrahim Ibrahim Barakat (2007:1/43) telah menyenaraikan sebanyak tiga puluh satu tempat atau sebab yang membolehkan penggunaan muftada' nakirat. Kebanyakannya sama seperti yang dinyatakan oleh ahli nahu sebelum ini kecuali ada beberapa tempat yang berbeza iaitu:

Pertama : Dbolehkan mubtada' itu dalam bentuk nakiraṭ jika menunjukkan sesuatu yang dihadkan atau ditentukan seperti dalam contoh berikut:

Ertinya : Satu tingkat seratus ringgit.

Dalam contoh di atas, perkataan adalah mubtada' nakiraṭ yang dibenarkan kerana ia ditentukan atau dikhususkan dan andaian yang dapat difahami dari ayat tersebut seolah – olah seperti berikut:

Ertinya : Harga untuk satu tingkat adalah seratus ringgit.

Kedua : Perkataan yang menjadi mubtada' itu membawa makna yang menyalahi adat, seperti dalam contoh :

Ertinya : Sepohon pokok sujud dan seekor lembu betina bercakap.

Dalam contoh di atas perkataan dan adalah mubtada' nakiraṭ yang diharuskan kerana kedua-duanya menunjukkan sesuatu yang menyalahi adat dan ayat tersebut boleh diandaikan seperti :

Ertinya : Sepohon pokok yang pelik sujud dan seekor lembu betina yang luar biasa bercakap.

Ketiga: Apabila KN yang menjadi muftada' itu membawa makna kagum seperti dalam contoh:

Ertinya : Amat kagum bagi seorang hamba yang tidak mementingkan dirinya sendiri.




Dalam contoh di atas, perkataan _____ adalah muftada' yang didatangkan dalam bentuk nakiraṭ yang diharuskan kerana membawa makna kagum.

'Abd al-Fattah (1986:101-119) telah menyenaraikan sebanyak dua belas bentuk penggunaan muftada' nakiraṭ . Kebanyakannya sama seperti yang disebutkan oleh ahli nahu yang lain kecuali dua bentuk yang agak kurang jelas maksud yang dihuraikan dalam tulisannya, iaitu:

Pertama: KN yang menjadi muftada' itu diikuti oleh perkataan yang sesuai dijadikan muftada' nakiraṭ (_____) seperti dalam contoh :

- 

Ertinya : Taat dan mengucapkan perkataan yang baik (adalah lebih baik bagi mereka).

Dalam contoh di atas, perkataan  adalah muftada' yang diharuskan dalam bentuk nakiraṭ kerana ada ungkapan lain yang terdiri daripada muftada' dan khabar yang mengikutinya iaitu   yang telah digugurkan khabarnya yang dapat diandaikan sebagai

Walaubagaimanapun contoh ini dijadikan dalil bagi penggunaan nakiraṭ mausufaṭ bagi ahli-ahli nahu lain.

Kedua : KN yang menjadi muftada' itu mengikuti KN yang sesuai menjadi muftada' nakirat (), seperti dalam contoh:



Ertinya: Apakah kamu tidak mengetahui, bahawa kepada Allah bersujud apa yang ada di langit, di bumi, matahari, bulan, bintang, gunung, pohon-pohonan, binatang-binatang yang melata dan sebahagian besar daripada manusia? Banyak di antara manusia yang telah ditetapkan azab atasnya.

Dalam contoh di atas, perkataan yang kedua adalah muftada' yang diharuskan dalam bentuk nakirat kerana ia mengikuti ungkapan lain yang terdiri daripada muftada' dan khabar sebelumnya iaitu yang telah digugurkan khabarnya yang dapat diandaikan sebagai .

Selain bentuk-bentuk pengecualian yang telah disebutkan di atas, terdapat beberapa bentuk pengecualian lain yang disebutkan oleh beberapa ahli nahu bahasa Arab tetapi jarang digunakan dan pada pendapat penulis kurang jelas dengan apa yang dikehendaki seperti yang disebutkan oleh Radiuddin (1988:203) iaitu :

Pertama : Muftada' yang datang selepas partikel seperti dalam contoh :

Ertinya : Adapun kereta tentu kamu tidak mampu membelinya.

Kedua : Mubtada' yang digunakan selepas penggunaan partikel seperti dalam contoh:

Ertinya : Alangkah ramainya orang di pasar.

Walaupun bagaimanapun, pada pendapat penulis pengecualian ini kurang jelas .

Ketiga : Mubtada' yang datang dengan makna pelaku, seperti dalam contoh:

Ertinya : Sifat dengki itu menghabiskan pahala.

Contoh di atas pun kurang jelas penggunaannya. Maksud *datang makna pelaku* yang disebutkan oleh beliau kurang difahami.

Kesimpulannya penulis membuat justifikasi bahawa terdapat tiga puluh dua sebab yang mengharuskan penggunaan mubtada' dalam bentuk nakirat sebagaimana yang disebutkan oleh ahli nahu bahasa Arab yang dapat penulis kumpulkan:

Pertama : Apabila perkataan yang menjadi khabar itu didatangkan awal atau dikedepankan dari kedudukan mubtada' dan khabar itu adalah dalam bentuk yang menggunakan partikel *ja:r* atau *zarf*, seperti dalam contoh :

Ertinya: Di dalam kelas itu ada pelajar-pelajar lelaki.

Kedua : Apabila muftada' yang nakirat itu didatangkan kedudukannya selepas partikel kata tanya (*istifha:m*) seperti dalam contoh:

Ertinya : Adakah para pelajar di dalam kelas?

Ketiga : Apabila muftada' itu didatangkan selepas partikel *nafi:*, seperti dalam contoh:

Ertinya : Tidak ada seorang pun musafir.

Keempat : Perkataan yang menjadi muftada' itu adalah lafaz doa sama ada untuk kebaikan atau keburukan seperti dalam contoh:

Ertinya: Salam sejahtera ke atas kamu

Kelima : Perkataan yang menjadi muftada' itu adalah KN yang disifatkan (*mausu:f*) seperti dalam contoh :

Ertinya : Sabar yang elok itu lebih baik daripada memohon belas orang zalim.

Keenam : Perkataan yang menjadi muftada' disandarkan kepada perkataan lain yang juga nakirat, seperti dalam contoh:

Ertinya : Amal baik itu menghiasi.

Ketujuh : Perkataan yang menjadi mubtada' itu adalah jawapan kepada soalan seperti dalam contoh:

—

Ertinya : Siapa yang hadir? Seorang lelaki

Kelapan : Perkataan yang menjadi mubtada' itu adalah umum yang merangkumi semua pihak. Ia *ma'ru:f* kepada umum seperti dalam contoh:

Ertinya:Semua akan mati.

Kesembilan : Perkataan yang menjadi mubtada' itu dimaksudkan untuk kepelbagaian seperti dalam contoh :

— —

Ertinya : Saya ada dua buah kereta, satu untuk kerja dan satu lagi untuk bersiar- siar.

Kesepuluh : Perkataan yang menjadi mubtada' itu melalui proses *tasghir* yang bermaksud sifat, seperti dalam contoh :

Ertinya : Singa kecil ada di taman.

Kesebelas : Perkataan yang menjadi mubtada' itu menggantikan objek yang disifatkan yang telah dibuang sebelum itu seperti dalam contoh :

Ertinya : Seorang mukmin itu lebih baik daripada seorang kafir.

Kedua belas : Perkataan yang menjadi muftada' itu didatangkan dengan makna *mahsu:r* seperti dalam contoh :

Ertinya : Sesuatu mendatangi kamu.

Ketiga belas : Perkataan yang menjadi muftada' itu didatangkan selepas kedudukan *wa:w al-Ha:l*, seperti dalam contoh:

Ertinya : Lelaki itu telah lena dan burung- burung sedang berkicauan.

Keempat belas : Perkataan yang menjadi muftada' itu diikuti selepasnya perkataan lain yang *mausu:f* seperti dalam contoh :

Ertinya : Seorang lelaki dan isteri yang baik ada di rumah.

Kelima belas : . Perkataan yang menjadi muftada' itu itu bersifat kabur (*mubham*) seperti dalam contoh di bawah:

Ertinya : Seorang pelancong bersama kami.

Keenam belas : Perkataan yang menjadi muftada' itu didatangkan selepas partikel

seperti dalam contoh :

—

Ertinya : Jika tidak ada ilmu nescaya sesat manusia

Ketujuh belas : Perkataan yang menjadi mubtada' itu didatangkan selepas partikel yang menjawab ayat *syart* sebelumnya seperti dalam contoh :

—

Ertinya : Jika kamu berusaha untuk berjaya maka kejayaan adalah untuk kamu.

Kelapan belas : Perkataan yang menjadi mubtada' itu didatangkan selepas partikel seperti dalam contoh :

—

Ertinya : Orang-orang yang sujud kepada Allah di waktu malam dan siang, maka ketenangan untuk mereka di dunia dan akhirat.

Kesembilan belas : Perkataan yang menjadi mubtada' itu didahului oleh partikel seperti dalam contoh :

—

Ertinya : Seorang lelaki berdiri

Kedua puluh : Perkataan yang menjadi mubtada' itu dalam ungkapan atau ayat perbandingan seperti dalam contoh:

—

Ertinya : Buah epal lebih sedap daripada buah oren.

Kedua puluh satu : Perkataan yang menjadi mubtada' itu membawa makna pujian atau penyucian seperti dalam contoh:

—

Ertinya : Seorang hamba yang beriman lebih baik daripada seorang musyrik.

Kedua puluh dua : Perkataan yang menjadi mubtada' itu merupakan 'a:mil yang berfungsi untuk menghidupkan sesuatu ungkapan sama ada ia adalah kata sumber atau sifat 'a:mil seperti dalam contoh :

—

Ertinya : Memberi makan orang miskin itu satu ketaatan.

Kedua puluh tiga : Perkataan yang menjadi mubtada' itu didahului oleh yang bermaksud tiba-tiba seperti dalam contoh :

—

Ertinya : Saya baru meninggalkan kampung tiba-tiba banjir berlaku.

Kedua puluh empat : Perkataan yang menjadi mubtada' itu membawa maksud hakikat sesuatu yang dikehendaki seperti dalam contoh :

—

Ertinya : Emas adalah lebih baik daripada besi.

Kedua puluh lima : Apabila kesempurnaan makna ungkapan atau ayat itu bergantung kepada kewujudan mubtada' yang nakira itu, seperti dalam contoh :

Ertinya : Membantu orang yang lemah itu adalah tanda harga diri sementara memperlekehkannya menjadi satu kerendahan harga diri.

Kedua puluh enam : Perkataan yang menjadi mubtada' itu datang dengan makna pelaku, seperti dalam contoh :

Ertinya : Sifat kedekut itu mengurangkan bilangan kawan.

Kedua puluh tujuh : Perkataan yang menjadi mubtada' itu didahului oleh partikel seperti dalam contoh :

Ertinya : Sebuah rumah pun kamu tidak miliki.

Kedua puluh lapan : Dbolehkan mubtada' itu dalam bentuk nakirat jika menunjukkan sesuatu yang dihadkan atau ditentukan seperti dalam contoh berikut:

Ertinya : Satu tempat duduk sepuluh ringgit.

Kedua puluh sembilan : Perkataan yang menjadi mubtada' itu membawa makna yang menyalahi adat, seperti dalam contoh :

Ertinya : Sepohon pokok sujud dan seekor lembu betina bercakap.

Ketiga puluh: : Apabila KN yang menjadi mubtada' itu membawa makna kagum seperti dalam contoh:

Ertinya : Amat kagum bagi seorang fakir yang memberikan kepada orang lain apa yang diperlukannya.

Ketiga puluh satu : KN yang menjadi mubtada' itu diikuti oleh ungkapan yang mengandungi mubtada' dan khabar. () *Penulis tidak menjumpai istilah yang lebih tepat untuk diterjemahkan. Seperti dalam contoh :*

- 

Ertinya : Taat dan mengucapkan perkataan yang baik (adalah lebih baik bagi mereka).

Ketiga puluh dua: KN yang menjadi mubtada' itu mengikuti ungkapan yang mengandungi mubtada' dan khabar. (), seperti dalam contoh:





Ertinya: Apakah kamu tidak mengetahui, bahawa kepada Allah bersujud apa yang ada di langit, di bumi, matahari, bulan, bintang, gunung, pohon-pohonan, binatang-binatang yang melata dan sebahagian besar daripada manusia? Banyak di antara manusia yang telah ditetapkan azab atasnya.

3.2 KHABAR MA'RIFAT₂ DALAM BAHASA ARAB.

Seperti yang disebutkan sebelum ini bahawa muftada' pada asalnya adalah ma'rifa₂ dan khabar adalah nakira₂. Tetapi dalam beberapa keadaan khabar boleh juga didatangkan dalam bentuk ma'rifa₂, namun perbincangan tentang masalah ini tidak banyak disentuh oleh para ulama' nahu Arab. Yang pasti adalah khabar boleh menjadi ma'rifa₂ dengan syarat muftada'nya juga mestilah ma'rifa₂ dan tidak boleh nakira₂ seperti dalam contoh:

— ———
Ertinya : Ini abang awak dan Muhammad anak saya.

—————
Muhammad Pesuruh Allah.

—
Allah Tuhan kami.

Ertinya : Malaysia negara kita.

Dalam contoh di atas perkataan-perkataan yang digariskan adalah khabar yang didatangkan dalam bentuk ma'rifaṭ dan mubtada' sebelumnya juga dalam bentuk ma'rifaṭ. Maka khabar itu diharuskan dalam bentuk ma'rifaṭ. Jika mubtada' itu dalam bentuk nakiraṭ maka tidak ada pengecualian digunakan bagi khabar ma'rifaṭ, kerana penggunaan khabar di samping mubtada' adalah pada asalnya sebagai sifat kepada khabar.

Penulis sebenarnya menghadapi sedikit kerumitan untuk mendapatkan pandangan dan huraian para sarjana bahasa Arab terhadap persoalan khabar ma'rifaṭ ini. Sukar bagi penulis untuk menemui ulasan dan huraian mereka tentang persoalan ini dalam mana-mana buku nahu.

3.3 KESIMPULAN

Daripada perbincangan tentang mubtada' nakiraṭ dan khabar ma'rifaṭ sebelum ini, penulis membuat kesimpulan bahawa konsep mubtada' nakiraṭ itu banyak disentuh oleh ahli nahu bahasa Arab . Sebanyak tiga puluh dua bentuk penggunaan mubtada' nakiraṭ yang dapat dirumuskan yang tepat seperti yang telah dijelaskan.

Apapun dalam persoalan khabar ma‘rifat kebanyakan ahli nahu bahasa Arab tidak membincangkannya dalam tulisan-tulisan mereka dengan mendalam sebagaimana mereka membincangkannya dalam persoalan muftada’ nakirat.